

Hubungan Kepemimpinan Guru Dengan Pengurusan Bilik Darjah Di Sekolah Menengah Pulau Pinang

The Relationship Between Teacher Leadership And Classroom Management In Penang Secondary School

Amirah Md Ibrahim
Mohamed Yusoff Mohd Nor

Sarjana Pentadbiran Pendidikan

Correspondence : Amirah Md Ibrahim (amirah.ibrahim09@gmail.com)

ABSTRAK

Tujuan kajian kuantitatif ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara amalan kepemimpinan guru dengan pengurusan bilik darjah. Sampel kajian terdiri daripada 107 orang guru dari tiga buah sekolah menengah di daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Rekabentuk kajian adalah berbentuk kuantitatif. Borang soal selidik yang mengandungi bahagian A, B dan C adalah instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Penganalisan data yang dikumpul menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23.0. Analisis kajian statistik deskriptif digunakan dalam kajian ini seperti kekerapan, min dan peratus. Manakala analisis statistik inferensi menggunakan Ujian Korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan kepemimpinan guru adalah tinggi iaitu dengan nilai $min=4.166$. Tahap amalan pengurusan bilik darjah guru sekolah menengah di Timur Laut juga tinggi iaitu dengan nilai $min=4.095$. Analisis Ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah ini. Dimensi menghadapi dan meminimumkan krisis ($min = 4.24, SP = 0.423$) dalam kepemimpinan guru adalah paling kerap diamalkan berbanding dimensi lain.

Katakunci : Amalan Kepemimpinan Guru, Pengurusan Bilik Darjah, Sekolah Menengah.

ABSTRACT

This quantitative research has been conducted to identify the relationship between the leadership practices of the teachers with classroom management. The samples are among 107 of teachers from three secondary school in North East district of Penang. Questionnaires included part A, B and C are the instruments used in this research. Quantitative methods used and data were analyzed using the software Statistical Package For Social Sciences (SPSS) version 23. Descriptive study was conducted and the findings presented in the form of mean, frequency and percentage. Pearson Correlation Test for statistical inference. The overall results shows that the level of teacher's leadership is high (mean=4.166) while the level of classroom management by the teachers is also high (mean=4.095). The Pearson Correlation Test also shows that there is significant relationship between this two variable. The dimension of facing and minimize the crisis are the most frequently practiced (mean=4.24.sd=0.423) in teacher's leadership.

Keywords: Teacher's Leadership Practice, Classroom Management, Secondary School.

1. Pengenalan

Institusi pendidikan merupakan salah satu daripada tunjang utama bagi mendukung kemajuan sesebuah negara. Oleh yang demikian, sistem pendidikan perlu seiring dengan perkembangan semasa agar modal insan yang terhasil adalah berkualiti serta mampu berfungsi secara holistik seterusnya berpegang teguh kepada agama. Hal ini adalah seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM, 2013). Menurut Banathy (1991) *systemic change* adalah segala perubahan yang berlaku pada sesuatu bahagian dalam sistem organisasi yang mempengaruhi keseluruhan organisasi dan seterusnya akan membawa perubahan baru kepada organisasi tersebut.

Salah satu komponen terpenting untuk membentuk guru yang berkualiti ialah melalui kepemimpinan guru. Kepemimpinan guru merupakan salah satu elemen yang perlu diaplikasi dan dipraktikkan kerana dapat memberi impak kepada pelajar untuk mengembangkan potensi dan mencapai kejayaan merangkumi bidang kurikulum serta kokurikulum. Menurut Margin (2005) peranan kepemimpinan guru telah menjadi komponen standard daripada usaha pembaharuan sistem pendidikan yang dibentuk untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran. Kualiti kepemimpinan guru juga adalah cerminan kepada pengurusan bilik darjah yang berkesan dan cekap (Abdul Ghani Abdullah & Abd Rahman Abd Aziz, 2009).

1.2 Penyataan Masalah

Dalam konteks negara kita Malaysia, amalan kepemimpinan guru masih lagi dianggap sebagai isu yang kurang diambil perhatian. Kepemimpinan guru seharusnya tidak dipandang sepi dalam pengurusan kurikulum di sekolah kerana kepemimpinan guru boleh memberi impak kepada pencapaian pelajar dari segi akademik (Barth, 2001).

Pelaksanaan kepemimpinan dalam bentuk kepemimpinan guru tidak boleh dicapai tanpa penyusunan semula struktur sekolah. Bolman & Deal (2003) telah mengenalpasti empat faktor untuk penstrukturan semula sekolah iaitu perubahan persekitaran, perubahan teknologi, perkembangan organisasi dan perubahan kepemimpinan dalam diri setiap guru itu sendiri.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti hubungan amalan kepemimpinan guru dengan pengurusan bilik darjah di tiga buah sekolah menengah zon Timur Laut Pulau Pinang.

1.4 Objektif Kajian

- i. Menenal pasti amalan kepemimpinan guru dalam bilik darjah
- ii. Menenal pasti amalan pengurusan bilik darjah) oleh guru Sekolah Menengah Daerah Timur Laut, Pulau Pinang
- iii. Mengkaji hubungan antara amalan kepemimpinan guru dengan amalan pengurusan bilik darjah guru sekolah menengah daerah Timur Laut.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Definisi Kepemimpinan Guru

Dalam kajian Katzenmeyer dan Moller (2009), kejayaan sesebuah sekolah bergantung kepada kepemimpinan guru kerana ia merupakan pemangkin utama yang diperlukan. York-Barr dan Duke (2004) memberi definisi kepada kepemimpinan guru sebagai proses yang melibatkan guru secara individu atau secara kolektif bersama guru lain dalam mempengaruhi warga sekolah yang lain

2.2 Model Kepemimpinan Guru

Model kepemimpinan guru yang dipilih merangkumi aspek tenaga, komitmen dan kepercayaan seorang guru terhadap kebolehan murid-muridnya dan sentiasa optimis dalam membuat setiap perubahan.

Dimensi mewujudkan momentum pembelajaran di dalam bilik darjah

Dimensi ini memberi penekanan kepada keperluan seseorang murid. Keperluan mereka dapat dipenuhi sekiranya para guru tidak bekerja secara berseorangan tetapi mengamalkan sikap berpasukan supaya pelbagai sumber dapat diperolehi (Yahya Don, Aziah Ismail, & Yaakob Daud, 2007). Setiap guru memiliki kepakaran yang tersendiri dan sifat bekerjasama adalah sangat digalakkan. Kunci kepada kepemimpinan guru ialah kolaborasi (Harris & Muijs, 2003; Thomas, 2007; Collay, 2011). Hasil kolaborasi dapat mengembangkan kebolehan dalam kalangan guru. Kolaborasi juga menghasilkan keberkesanan PdP di samping meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam pendidikan negara (Jamila K.A. Mohamed, 2005).

Dimensi membina keupayaan

Aspek ini memfokuskan kepada kepercayaan yang diletakkan oleh guru terhadap muridnya semasa mengendalikan sesuatu aktiviti. Guru menggunakan kata ganti nama diri “kita” kepada “saya” sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran supaya dapat melahirkan rasa bekerjasama dan usaha bersama murid. Menurut Henley (2006) membangun dan membina keupayaan beerti guru memberi peluang sama rata kepada murid untuk membuat keputusan semasa proses pembelajaran di dalam kelas seterusnya memberi kesan yang baik. Dalam kajian Tang (2012) pelaksanaan tanggungjawab tertentu disarankan dalam kalangan guru seperti menyediakan persekitaran pembelajaran dan kandungan subjek pengajaran yang bersesuaian.

Dimensi menjamin persekitaran

Keselamatan murid semasa berada di dalam bilik darjah adalah perlu dititikberatkan oleh para guru. Guru memastikan keadaan bilik darjah yang selamat digunakan dan kondusif, Segala bahan pengajaran dan pembelajaran yang relevan dikendalikan dengan baik dan disusun dalam format katalog. . Bagi Ahmad Fadzli Fauzi (2009) penghasilan bahan pengajaran adalah mengikut potensi murid. Guru perlu menyediakan satu pengkalan data iaitu profil setiap murid dan kerap mengemaskini data murid mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh sekolah (Tang, 2012).

Dimensi menghadapi dan meminimumkan krisis

Pengurusan tingkah laku yang negatif adalah aspek yang diberi penekanan kepada para guru. Para guru perlu mempunyai kemahiran dalam menyelesaikan masalah tersebut bagi membasmi serta mengurangkan kekacauan dan gangguan di dalam bilik darjah. Menurut Tang (2012), mesyuarat antara ibu bapa dan guru atau PIBG yang diadakan akan membincangkan masalah berbangkit seperti hal berkaitan keselamatan murid.

Dimensi mencari dan mencartakan kemajuan

Sikap keterbukaan dalam menerima idea serta pendekatan yang baru serta sesuai, perkongsian teknik pengajaran dan kemahiran pengurusan murid dengan rakan guru yang lain. Guru dinasihatkan aktif dalam menghadiri kursus, bengkel dan seminar untuk memberolehi ilmu-ilmu baru seterusnya mengaplikasikannya. Tang (2012) menyatakan guru perlu merujuk kepada pakar-pakar dan buku bagi meningkatkan potensi diri serta menghadapi cabaran dalam bidang pendidikan. Perkongsian maklumat sesama rakan setugas adalah sangat disyorkan bagi berkongsi pengetahuan baru yang diperolehi.

2.3 Model Pengurusan Bilik Darjah

2.3.1 Pengurusan Konsisten dan Kerjasama Disiplin (Freiberg, 2009)

Pengurusan Konsisten dan Kerjasama Disiplin adalah satu kajian yang menyeluruh yang telah dibina untuk membantu pelajar bersedia ke arah kejayaan, mencapai tahap disiplin yang baik dan membina rasa tanggungjawab dalam diri setiap pelajar. Model ini lebih memfokuskan kepada mencegah lebih baik dari merawat. Tanggungjawab adalah berdasarkan perkongsian guru dan murid, kerjasama disiplin, memperbaiki komunikasi dengan keluarga pelajar. Komponen utama dalam model ini adalah berfokus kepada pencegahan, sifat mengambil berat, kerjasama, organisasi dan komuniti. Berdasarkan model ini, pengkaji hanya ingin melihat dari dua aspek iaitu disiplin dan pengurusan organisasi.

Disiplin

Menurut model Pengurusan Konsisten dan Kerjasama Disiplin (Freiberg, 2009), kerjasama disiplin dapat mengembangkan peranan kepimpinan di dalam bilik darjah oleh guru dan juga kombinasi antara guru dengan muridnya. Dengan ini semua murid dapat peluang yang sama rata untuk memikul tanggungjawab sebagai pemimpin. Peranan kepimpinan ini sangat penting untuk diterapkan ke dalam diri setiap pelajar kerana apabila guru tidak dapat masuk ke kelas atau tidak hadir, murid tersebut sudah mengetahui apa yang perlu dilakukan. Ini adalah kerana, murid-murid sudah diajar untuk menjadi murid yang bertanggungjawab dan berdisiplin. Murid-murid juga akan bekerjasama di dalam kumpulan dan setiap murid akan mempunyai peranan masing-masing. Dalam model ini juga, pengurusan bilik darjah menjurus ke arah usaha kolaboratif dan bukannya terletak pada peranan guru sahaja. Murid-murid akan belajar dan menerapkan nilai murni seperti kepercayaan dan mempercayai apabila diberikan amanah untuk melaksanakan sifat kepimpinan. Dengan adanya sifat kepimpinan ini, murid-murid akan kurang mempunyai masalah disiplin dan tingkah laku negatif.

Pengurusan Organisasi

Menurut model Pengurusan Konsisten dan Kerjasama Disiplin (Freiberg, 2009), pengurusan organisasi adalah berfokus kepada persekitaran fizikal. Guru yang efektif akan menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk murid-muridnya. Guru akan meletakkan semua peralatan secara strategik dan dalam keadaan yang mudah untuk diakses oleh setiap muridnya untuk memoptimalkan pembelajaran. Suasana bilik darjah yang harmonis membantu peningkatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna.

2.4 Kajian Kajian Lepas Kepemimpinan Guru dan Pengurusan Bilik Darjah

Fungsi kepemimpinan guru dikenal pasti dalam kajian Gerkhe (1991) dapat meneruskan proses penambahbaikan pengajaran dalam kalangan guru semasa berada di dalam bilik darjah. Perkembangan kurikulum, melibatkan diri dengan membuat keputusan di sekolah, memberi latihan perkhidmatan kepada guru lain di sekolah sendiri dan melibatkan diri dalam membuat penilaian terhadap guru lain di sekolahnya dapat dipupuk melalui kepemimpinan guru.

Faktor penentu yang mempengaruhi iklim bilik darjah antaranya adalah guru bertindak adil antara memberi teguran dan dorongan kepada murid, menggalakkan murid bekerjasama, membina hubungan yang baik dengan murid, mementingkan aspek keselamatan serta mewujudkan perasaan yang harmoni kepada murid supaya mereka merasakan dirinya sebahagian dari bilik darjah (Rahman Sukor Ab Samad dan Shahrir Jamaludin 2005). Pengaruh kepimpinan guru secara kolektif juga dalam kalangan guru mempunyai hubungan yang kuat dengan pencapaian akademik pelajar (Martin, 2012). Seterusnya, Foster (2004) dalam kajiannya di Canada menyatakan bahawa kepimpinan guru telah mendapat pengiktirafan yang menyumbang kepada kejayaan sekolah. Jelasnya, kepimpinan guru di sekolah telah terbukti mempunyai kesan yang positif terhadap pencapaian akademik pelajar (Crowther et al., 2002; Davies, 2009; Katzenmeyer & Moller, 2009; Harris & Lambert, 2003).

3. Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dan inferensi dengan kaedah kajian untuk menjawab persoalan-persoalan kajian ini. Instrumen dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Dalam kajian ini, pengkaji mendapatkan maklumat-maklumat tambahan daripada rujukan daripada perpustakaan, dokumentasi, laman web dan pusat sumber.

3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Dalam penyelidikan ini populasi kajian ialah guru-guru yang bertugas di tiga buah sekolah menengah daerah Timur Laut Pulau Pinang. Sampel kajian adalah sebanyak 107 orang guru. Pemilihan sampel ini berdasarkan teknik persampelan secara rawak mudah. Setiap responden dalam populasi mempunyai peluang yang setara untuk dipilih (Azizi Yahya et al, 2007). Berikut adalah senarai sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

1. Penang Free School
2. SMK Bukit Jambul
3. SMK Abdullah Munshi

3.3 Instrumen Kajian

Terdapat tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi 3 item iaitu untuk memperoleh maklumat berkaitan demografi responden yang merangkumi umur, tahun perkhidmatan, kelayakan akademik dan gred. . Bagi bahagian B dalam soal selidik pula mengandungi 24 item iaitu untuk mengkaji amalan kepemimpinan guru yang bersandarkan kepada Model Kepemimpinan Guru (Davies dan Brighouse 2008) yang telah diubah suai mengikut kesesuaian kajian iaitu merangkumi dimensi mewujudkan momentum dalam bilik darjah, dimensi membina keupayaan, dimensi membina persekitaran, dimensi menghadapi dan meminimumkan krisis dan dimensi mencari dan mencartakan kemajuan.

Bagi bahagian C dalam soal selidik pula mengandungi 12 item iaitu untuk mengkaji amalan pengurusan bilik darjah. Bahagian ini dibina oleh penyelidik berdasarkan dari model Pengurusan Konsisten dan Kerjasama Disiplin oleh Freiberg (2009). Pengkaji akan memfokuskan kepada dua aspek iaitu aspek disiplin dan pengurusan organisasi. Item- item soalan dalam bahagian B dan C adalah berbentuk Skala Likert Lima. Data mentah yang diperoleh daripada soal selidik disusun dan diproses untuk dianalisis.

4. Dapatan dan Perbincangan

Profil Demografi Responden

Kajian ini melibatkan responden seramai 107 orang guru dari tiga buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Huraian demografi kajian melibatkan pengalaman mengajar jantina, umur, tahun perkhidmatan dan kelayakan akademik. Profil responden kajian dengan lebih terperinci adalah seperti berikut.

4.1 Profil Responden

JADUAL 1 : Profil Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	31	29
Perempuan	76	71
Jumlah	107	100.0

Jadual 1 menunjukkan bahawa dari segi jantina, majoriti responden adalah terdiri daripada guru perempuan iaitu seramai 76 orang (71%) manakala guru lelaki pula adalah seramai 31 orang (29%).

JADUAL 2

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
21 – 30 tahun	20	18.7
31 – 40 tahun	47	43.9
41 – 50 tahun	25	23.4
51 – 60 tahun	15	14.0
Jumlah	107	100.0

Berdasarkan jadual 2, majoriti responden yang terlibat adalah dalam lingkungan umur 31-40 tahun iaitu sebanyak 47 orang (43.9%). Diikuti oleh responden yang berumur 41 hingga 50 tahun iaitu sebanyak 25 orang (23.4%). Sebanyak 20 orang responden (18.7%) yang berumur 21-30 tahun. Hanya 15 orang (14.0%) yang mewakili guru-guru berumur 51-60 tahun.

JADUAL 3

Pengalaman mengajar	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang 10 tahun	50	46.7
Lebih 10 tahun	57	53.3
Jumlah	107	100.0

Jadual 3 menunjukkan bahawa berdasarkan pengalaman mengajar seramai 50 orang (46.7%) guru berpengalaman kurang 10 tahun manakala , seramai 57 orang (53.3%) guru berpengalaman lebih 10 tahun.

JADUAL 4

Kelayakan akademik	Kekerapan	Peratus (%)
Diploma (DPLI/KPLI)	3	2.8
Sarjana Muda	84	78.5
Sarjana	19	17.8
Phd	1	0.9
Jumlah	107	100.0

Jadual 4 menunjukkan bahawa berdasarkan kelayakan akademik seramai 3 orang (2.8%) guru yang memiliki Diploma (DPLI/KPLI), seramai 84 orang (78.5%) guru yang memiliki Sarjana Muda dan seterusnya seramai 19 orang (17.8%) yang memiliki kelulusan Sarjana. Hanya seorang guru yang memiliki Phd iaitu bersamaan 0.9 %.

4.2 Dapatan 2

Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian

JADUAL 5: Tahap keseluruhan amalan kepemimpinan guru

Amalan kepemimpinan guru			
DIMENSI	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Dimensi Menghadapi dan Meminimumkan Krisis	4.24	.423	Tinggi
Dimensi Menjamin Persekitaran	4.18	.453	Tinggi
Dimensi Membina Keupayaan	4.15	.480	Tinggi
Dimensi Mencari dan Mencartakan Kemajuan	4.14	.461	Tinggi
Dimensi Mewujudkan Momentum dalam Bilik Darjah	4.12	.375	Tinggi
Min keseluruhan	4.166	.4384	Tinggi

Berdasarkan jadual 5 menunjukkan bahawa tahap keseluruhan amalan kepemimpinan guru di tiga buah sekolah menengah daerah Timur Laut Pulau Pinang adalah tinggi dengan nilai min 4.166. Secara deskriptifnya, guru berkecenderungan tinggi mengamalkan kelima-lima dimensi kepemimpinan guru iaitu julat min antara 4.12 hingga 4.24. Merujuk pada jadual 4.3, skor min yang paling tinggi ialah dimensi menghadapi dan meminimumkan krisis (min = 4.24, SP =0.423). Skor min yang paling rendah ialah dimensi mewujudkan momentum dalam bilik darjah (min = 4.12, SP =0.375). Oleh itu dapat disimpulkan bahawa guru-guru ini mengamalkan dimensi menghadapi dan meminimumkan krisis dan dimensi menjamin persekitaran lebih kerap berbanding dimensi mewujudkan momentum dalam bilik darjah. Menurut persepsi responden, tahap kecenderungan pengamalan kelima-lima dimensi kepemimpinan guru adalah tinggi.

Jadual 6: Tahap keseluruhan amalan pengurusan bilik darjah

Dapatan analisis kajian berdasarkan jadual 6 menunjukkan tahap amalan keseluruhan pengurusan bilik darjah guru daerah Timur Laut Pulau Pinang adalah tinggi dengan nilai min 4.095. Dimensi pengurusan organisasi adalah tinggi dengan nilai min 4.16 berbanding dimensi disiplin dengan nilai min 4.03.

JADUAL 7 : Analisis korelasi Pearson antara amalan kepemimpinan guru secara keseluruhan dan dimensi-dimensinya dengan amalan pengurusan bilik darjah

Variabel-variabel	N	Nilai <i>r</i>	<i>p</i>
Dimensi menjamin persekitaran	107	.781**	.000
Dimensi menghadapi dan meminimumkan krisis	107	.694**	.000
Dimensi membina keupayaan	107	.659**	.000
Dimensi mencari dan mencartakan kemajuan	107	.597**	.000
Dimensi mewujudkan momentum dalam bilik	107	.519**	.000

darjah

Keseluruhan hubungan kepemimpinan guru dengan amalan pengurusan bilik darjah	107	.808**	.000
--	-----	--------	------

Nota: **Signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Berdasarkan ujian keputusan analisis ujian Korelasi Pearson yang dijalankan dalam Jadual 4.5, dapat dilihat terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara amalan kepemimpinan guru dengan pengurusan bilik darjah pada aras $p < 0.05$, ($r = 0.808$, $p = 0.01$). Pengkaji membuat keputusan bahawa terdapat antara amalan amalan kepemimpinan guru dengan pengurusan bilik darjah guru adalah hubungan yang mempunyai signifikan.

4.3 Perbincangan

Pada keseluruhannya, kajian ini tertumpu kepada kepemimpinan guru dan amalan pengurusan bilik darjah guru. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa tahap amalan kepemimpinan guru ($\text{min} = 4.166$) adalah tinggi. Kesemua dimensi kepemimpinan guru didapati kerap diamalkan dan berada dalam julat min antara 4.12 hingga 4.24. Secara tidak langsung, dapatan ini menjelaskan bahawa guru di sekolah menengah daerah Timur Laut Pulau Pinang berkeupayaan sebagai pemimpin guru yang berjaya dan seterusnya meningkatkan pencapaian murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Dapatan kajian ini adalah sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Tang dan See (2009) dan Tang (2012). Dalam kajian Tang dan See (2009) yang mengkaji tahap persetujuan dan tahap amalan kepemimpinan guru di empat buah negeri iaitu Kuala Lumpur, Kedah, Melaka dan Kelantan. Hasil kajian mereka menunjukkan tahap kepemimpinan guru secara keseluruhannya adalah tinggi.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh, keseluruhan amalan bilik darjah guru di sekolah menengah daerah Timur Laut Pulau Pinang adalah berada pada tahap tinggi. Dapatan ini selari dengan Hasfarina (2012) dalam kajiannya menyatakan seramai 292 orang guru-guru sekolah menengah di daerah Segamat mempunyai tahap pengurusan dan amalan pengurusan bilik darjah yang tinggi. Terdapat dua aspek yang dikaji di bawah amalan pengurusan bilik darjah iaitu disiplin dan pengurusan organisasi. Aspek pengurusan organisasi adalah tinggi dengan nilai min 4.16 berbanding dimensi disiplin dengan nilai min 4.03. Item yang keenam merupakan paling kerap diamalkan. Guru menjawab saya berusaha mewujudkan iklim bilik darjah yang kondusif. Ini bertepatan dengan kajian Mohd Hasani Dali & Mohamad Johdi Salleh (2009) guru pelatih perlu membuat perancangan yang rapi berkaitan dengan susunatur di bilik darjah. Susunan yang baik seharusnya membolehkan guru memerhati semua pelajaranya dan seterusnya dapat mengendali bilik darjah dengan mudah.

5. Rumusan dan cadangan

Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang kuat di antara amalan kepemimpinan guru ke atas pengurusan bilik darjah di daerah Timur Laut Pulau Pinang. Kajian ini menunjukkan amalan kepemimpinan oleh guru yang berkesan secara tidak langsung akan menjurus kepada pengurusan bilik darjah yang baik.

Seterusnya, pihak pentadbir sekolah juga seharusnya memberi sokongan padu dengan memberi kelengkapan yang mencukupi bagi setiap bilik darjah. Para guru juga disarankan membudayakan sifat mesra murid kerana memberi kesan yang memberansangkan kepada pihak sekolah. Kajian ini menyumbang implikasi bermakna kepada sistem pendidikan dan dengan ini guru tidak hanya memfokuskan tugas hakiki mereka iaitu tugas mengajar. Cadangan-cadangan yang telah diutarakan diharap dapat membantu penyelidik di masa akan datang untuk menghasilkan kajian yang lebih baik.

Rujukan

- Abdul Ghani Abdullah.(2009). Kepemimpinan dan penambahbaikan sekolah. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Abdul Ghani Abdullah & Abd. Rahman Abd Aziz .(2009). Mengurus tingkah laku pelajar. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Ahmad Fadzli Fauzi (2009). Bagaimana Meransang Seronok Belajar. Kuala Lumpur: PTS
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof, B., & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Selangor. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Banathy, B. (1991). *Systems design of education. A journey to create the future*. Englewood Cliff, New Jersey: Education Technology Publication.
- Barth, R.S. (2001). *Teacher Leader*. Phi Delta Kappan. 443-449.
- Bolman, L. G., & Deal, T. E. (2003). *Reframing organizations: Artistry, choice, and leadership* (4th ed.). San Francisco: Jossey-Bass.
- Brighouse dalam Davies, B & Brighouse T, (2008). *Passionate leadership in education*. London: Sage Publication Ltd.
- Crowther, F., Kaagan, S., Ferguson, M. & Hann, L. (2002). *Developing Teacher Leaders: How Teacher Leadership Enhances School Success*. California: Corwin Press.
- Davies, B. (2009). *The Essentials of School Leadership* (2nd. Ed.). Thousand Oaks, California: Sage Publication.
- Foster, R. (2004). Leadership and Secondary School Improvement: Case Studies of Tensions and Possibilities. *International Journal of Leadership in Education*, 8, (1), 35–52. DOI: 10.1080/1360312042000299233.
- Freiberg (2009). *Consistency Management and Comparative Discipline*. New York: Holt.
- Gerkhe, N (1991). *Developing Teacher's Leadership Skills*. ERIC Clearinghouse on Teacher Education Washington DC.
- Henley (2006). *Classroom management: A proactive approach*. New Jersey: Pearson Education, Inc, Upper Saddle River.
- Hickey, W.D. & Harris S. (2005). *Improve professional development through leadership*, The

- Rural Educator.
- Hussein Mahmood (2008). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Edisi Kedua.: Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Institute for Educational Leadership (2008) Critical analysis of the current approaches to modelling educational effectiveness: The importance of establishing a dynamic model. *School Effectiveness and School Improvement*, 17, 347–366.
- Katzenmeyer, M. & Moller G. (2009). *Awakening the sleeping giant helping teachers develop as leaders* (3rd edition) United States of America. Corwin Press, INC. A Sage Publications Company Thousand Oaks California.
- Kementerian Pendidikan Malaysia 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Margin (2005). *Leadership And Performance Beyond Expectations*. New York : Free Press.
- Mok S.S. (2010). *Murid dan alam belajar*. Perak: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Mortimore (1997). *The road to improvement: reflections on school effectiveness*. The Netherlands: Swets& Zeitlingers Publishers.
- Rahman Sukor Ab Samad dan Shahrir Jamaludin (2005). Peranan kepemimpinan guru dalam mempengaruhi iklim dalam bilik darjah. *Masalah Pendidikan Universiti Malaya*. Dimuat turun daripada laman sesawang [http://scribd.com/doc/27154139/Ulasan-Jurnal-Peranan Kepemimpinan Guru](http://scribd.com/doc/27154139/Ulasan-Jurnal-Peranan-Kepemimpinan-Guru). (Diakses pada 2.5.2016)
- Robert, V. K., & Daryle ,W. M. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.
- Syed Ismail Syed Mustafa & Ahmad Subki Miskon (2010). *Guru dan Cabaran semasa*. Selangor: Penerbitan Muktimedia Sdn Bhd.
- Tang, K. N. (2012). A comparative study on teacher leadership and the effectiveness in school. *Journal of Behavioral Sciences* 31, 231-235.
- Tan, Parsons, Hinson, and Sardo-Brown (2003).
- Yahya Don, Aziah Ismail, & Yaakob Daud (2007). *Kepimpinan & Pembangunan Pelajar Sekolah* di Malaysia. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- York-Barr, J., & Duke, K. (2004). What Do We Know About Teacher Leadership? Findings from Two Decades of Scholarship. *Review of Educational Research*, 74, 255–316